

BIODATA

SAID ZAHARI

Said Zahari merupakan seorang tokoh dalam bidang persuratkhabaran dan aktivitis politik tanah air. Dilahirkan di Singapura pada 18 Mei 1928 dan mendapat pendidikan di Singapura termasuk mempelajari bahasa Jepun semasa pendudukan Jepun dan selepas pemerintahan Jepun beliau telah menyambung pelajaran sehingga ke peringkat Senior Cambridge.

Setelah menamatkan pelajaran beliau telah berkhidmat sebagai wartawan di Utusan Melayu pada tahun 1951 sehingga dilantik sebagai pengarang Utusan Melayu pada pertengahan tahun 1959. Beliau sentiasa berjuang mempertahankan kebebasan akhbar daripada tekanan untuk menjadikan Utusan Melayu sebagai suara politik dan kemuncak perjuangan beliau itu adalah apabila beliau melancarkan mogok pada tahun 1961 yang mengakibatkan beliau disingkirkan dari Malaya dan terpaksa kembali ke Singapura.

Di Singapura beliau bergiat aktif dalam politik dan telah dilantik sebagai Ketua Umum Parti Rakyat Singapura tetapi belum sempat memulakan tugas, beliau telah ditangkap dan dipenjarakan oleh pemerintah Singapura (Lee Kuan Yew) pada tahun 1963 sehingga 1979 kerana dianggap berhaluan kiri.

Beliau pernah menjadi Editor dan Managing Editor Asia Research Magazine di Singapura pada tahun 1980 – 1986, Eksekutif Editor Xenia Editorial Services di Singapura pada tahun 1992 – 1994, Karyawan Tamu di Jabatan Komunikasi UKM pada tahun 1996 – 1999 dan menjadi wartawan bebas sehingga sekarang. Walaupun usia beliau telah lanjut, beliau masih giat berkarya dan membuat penyelidikan untuk menghasilkan beberapa karya seperti *Irian Barat – Duri Dalam Daging*, *Puisi Dari Penjara* dan *Meniti Lautan Gelora* yang juga diterjemah oleh beliau sendiri dalam bahasa Inggeris dan Cina.

Perpustakaan Negara Malaysia berjaya memperolehi koleksi beliau pada tahun 2003 yang merangkumi bahan – bahan pakejan maklumat, majalah, buku, surat/dokumen peribadi, risalah, gambar, kaset, keratan akhbar, poster dan juga lencana. Koleksi peribadi beliau merupakan rakaman aktiviti dan peristiwa yang telah dilalui oleh tokoh ini yang tidak mungkin diperolehi daripada mana – mana koleksi lain.